

21/09/2002

Kontraktor kecil sudah sedia laksana projek besar

PERSATUAN Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), sudah melaksanakan beberapa program yang membolehkan ahlinya meningkatkan daya saing bagi memenuhi tuntutan melaksanakan pelbagai projek yang lebih besar.

Sehubungan itu, katanya, pengumuman kerajaan untuk meningkatkan saiz projek yang boleh dilaksanakan oleh pelbagai kelas kontraktor Bumiputera dalam Bajet 2003 dilihat sebagai tepat pada masa.

Setiausaha Agung PKMM, Datuk Jamaludin Abdul Rahim, berkata antara kursus yang disertai ahli termasuk anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan agensi kerajaan lain seperti Jabatan Kerja Raya.

"Ia bertujuan meningkatkan daya keusahawanan dan keupayaan teknikal kontraktor Bumiputera untuk membolehkan mereka melaksanakan kontrak lebih besar," katanya.

Beliau diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 bahawa jumlah saiz projek bagi pelbagai kategori kontraktor Bumiputera akan dinaikkan antara RM200,000 hingga RM15 juta.

"PKMM memperjuangkan masalah kontraktor kelas F sejak tiga tahun lalu kerana sebelum ini kebanyakan kontrak pembinaan bagi kelas ini diberikan menerusi konsep payung sekali gus kurang menggalakkan pembabitan mereka," katanya.

Beliau berkata, pengumuman kerajaan untuk membelanjakan RM963 juta tahun ini bagi beberapa projek prasarana di luar bandar, juga memberi peluang besar kepada kontraktor kelas F meningkatkan pendapatan.

Katanya, langkah kerajaan melaksanakan sekolah satu sesi turut menyaksikan pembabitan kontraktor kelas F kerana tahun ini saja kerajaan memberi kontrak membina 26 sekolah di seluruh negara untuk disiapkan.

Jamaludin berkata, langkah kerajaan meningkatkan nilai kerja kontraktor berikutan kadar sekarang yang tidak pernah disemak sejak 70-an adalah satu keputusan bijak kerana ia selari dengan peralihan ekonomi semasa.